

DRAF-4 TEKS UCAPAN: 11 November 2024



Kementerian Kerja Raya

UCAPAN PERASMIAN:
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA:

**MAJLIS PERASMIAN TAPAK LATIHAN KREN MENARA AKADEMI
BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH TENGAH DI JENJAROM,
SELANGOR
11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

Terima kasih tuan/puan Pengacara Majlis,

SALUTASI MAJLIS

Yang Berbahagia Dato' Seri Azman Bin Ibrahim,
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Imran Salim,
Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad
(MRCB)

Yang Berbahagia Datuk Dell Akbar Khan
Naib Presiden Eksekutif, Kumpulan Malaysian Resources Corporation
Berhad (MRCB)

Wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan
Ahli Majlis TVET Negara,

Ahli Lembaga Pengarah CIDB Malaysia,
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dan Operasi Anak-anak Syarikat CIDB
Malaysia,
Pegawai-pegawai Kanan CIDB Malaysia dan CIDB Holdings,
Pegawai-pegawai Kanan MRCB,

Penggiat Industri Pembinaan Negara serta rakan-rakan Media,

Datuk/ Dato'Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan sekalian,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani.

1. Saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk turut sama menyempurnakan Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Menara Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah.

2. Tahniah saya ucapkan kepada CIDB dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) atas usaha giat membangunkan belia dalam sektor pembinaan, di samping memperkukuh peranan TVET sebagai pendekatan baharu dalam ekosistem pendidikan negara. Semenjak 2012 hingga 2024, ABM telah melatih 1,104 pelatih dalam operasi kren menara—dengan 313 terdiri daripada belia dan 791 sebagai personel binaan—menunjukkan komitmen CIDB dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan dalam sektor ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya ingin menekankan kembali aspirasi kerajaan MADANI dalam memperkukuhkan TVET sebagai asas kepada kemajuan sektor pembinaan. Seperti yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan beliau yang saya baca di *International Construction Week 2024* baru-baru ini, dua perkara penting ingin saya ulang di sini:

- a. **Pertama:** Negara kita melihat pertumbuhan kukuh, dengan KDNK sektor pembinaan meningkat sebanyak 17.3% pada tiga suku pertama tahun ini. Pertumbuhan ini memerlukan peningkatan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja.

- b. **Kedua:** Industri pembinaan kini menuntut tenaga kerja yang bersedia menghadapi cabaran teknologi dan kerajaan komited menyediakan laluan yang lebih luas bagi pendidikan TVET untuk memastikan tenaga kerja tempatan kompeten dan memenuhi keperluan global.

Pelaburan CIDB untuk Fasiliti dan Latihan

4. Dalam usaha ini, CIDB telah membelanjakan lebih daripada RM800 juta untuk menyediakan latihan dan penilaian kepada belia, personel binaan dan para kontraktor menerusi 6 buah ABM dan CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) di seluruh negara. CIDB juga telah membelanjakan lebih RM80 juta setakat tahun 2023 untuk pembangunan fasiliti.

5. Sejak tahun 2016, CIDB telah melabur dalam teknologi pembelajaran melalui penggunaan simulator canggih seperti *Mobile Crane*, *Excavator*, dan *Welding*. Hasilnya, 60% daripada latihan di ABM melibatkan elemen simulasi yang memberikan pengalaman praktikal secara langsung, membolehkan pelatih merasai sendiri operasi jentera sebenar. Pendekatan ini memastikan bahawa pelatih bukan sahaja memahami teori, tetapi juga mahir dalam aplikasi dunia nyata.

6. CIDB sebagai Peneraju TVET Pembinaan amat menitikberatkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berkualiti untuk industri pembinaan. Mewakili CIDB, saya ingin menjemput lebih ramai lagi pemain industri untuk berkolaborasi dengan kami sebagai rakan strategik dalam bidang-bidang TVET yang lain demi kemajuan industri pembinaan.

7. Setakat ini, dalam tempoh 3 tahun kebelakangan, CIDB telah bekerjasama dengan 18 penggiat industri, termasuk syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) serta syarikat tempatan dan antarabangsa, dalam mempertingkatkan latihan kemahiran TVET. Melalui kerjasama ini, CIDB berusaha memastikan latihan yang ditawarkan adalah terkini, relevan dan sesuai dengan perkembangan serta keperluan industri semasa.

8. Kerajaan mensasarkan untuk masa hadapan, semua projek pembinaan di Malaysia ini 100% dilaksanakan oleh pekerja tempatan, selaras dengan salah satu sasaran Dasar Pembinaan Negara, iaitu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

9. Justeru, kerjasama antara Kerajaan, institusi TVET, dan industri mesti terus diperkukuhkan untuk memastikan program TVET sentiasa relevan. Penglibatan industri dalam program ini penting, terutama dalam pembangunan kurikulum dan peningkatan kemahiran tenaga pengajar. Dengan penglibatan pemain industri besar seperti Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), kita dapat memastikan latihan TVET sentiasa menepati standard industri.

Kerjasama MRCB-CIDB

10. Memorandum persefahaman di antara MRCB dan CIDB telah ditandatangani lebih setahun lalu setelah Bajet 2023 mengenal pasti MRCB sebagai organisasi untuk memperkasakan kerjasama awam-swasta dalam memastikan program-program TVET dapat memenuhi tuntutan industri.

11. MRCB telah menunjukkan komitmen luar biasa dengan menyediakan tapak latihan, kemudahan peralatan dan sokongan kurikulum. Selain itu, fasiliti khusus untuk latihan kren menara yang disediakan oleh MRCB, dengan kos sebanyak RM1,000,000 membolehkan latihan praktikal yang memberi fokus kepada pengendalian dan pengurusan kren secara profesional. Sememangnya fasiliti ini bertujuan menghasilkan kumpulan Orang Yang Kompeten (*Competent Person*) Operator Kren Menara.

12. MRCB juga menawarkan penempatan kerja kepada graduan TVET. Ini memberikan pelatih merasai pengalaman dalam dunia pekerjaan sebenar yang sangat penting dalam mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran di tapak pembinaan.

13. MRCB telah menjadi rakan strategik yang aktif dalam menyokong inisiatif TVET. Kita berikan tepukan gemuruh kepada MRCB sebagai tanda penghargaan.

14. Saya menyeru kepada semua pihak dalam sektor pembinaan untuk tampil dalam kerjasama yang sinergistik bersama CIDB dalam usaha memperkasa TVET pembinaan dan meningkatkan kemahiran, profesionalisme serta menekankan kepentingan persijilan kompetensi.

15. Akhir kata, tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan pembinaan tapak latihan ini. Tahniah CIDB & MRCB!

16. Saya percaya dengan adanya fasiliti yang canggih seperti ini, kita akan dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkualiti dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

17. Dengan ini saya merasmikan **TAPAK LATIHAN KREN MENARA
AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH TENGAH DI JENJAROM,
SELANGOR**

Terima kasih.